

Perbincangan khas Majlis Raja-Raja jadi tumpuan

Keprihatinan Seri Paduka letak kepentingan rakyat atasi agenda politik

Oleh Saiful Haizan Hasam
dan Mohd Roji Kawi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tumpuan seluruh negara terarah kepada Perbincangan Khas Majlis Raja-Raja Melayu yang dijadualkan berlangsung di Istana Negara, esok selepas 15 ketua parti politik selesai menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa

Billah Shah.

Perbincangan itu adalah yang kedua berlangsung di Istana Negara sejak Al-Sultan Abdullah menaiki takhta pada 31 Januari 2019 dengan yang pertama berlangsung pada 25 Oktober 2020.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin minggu lalu menyatakan perbincangan atas inisiatif Al-Sultan Abdullah itu berkaitan dengan usaha memerangi penularan jangkitan wabak COVID-19 dan pelaksanaannya ketika tempoh darurat.

Sesi menghadap baginda di Istana Negara dimulakan oleh Perdana Menteri yang juga Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Rabu lalu diikuti pula Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dan Presiden AMANAH, Moha-

mad Sabu.

Pada Khamis, sesi menghadap disertai oleh Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong; Pengerusi Penaja Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG), Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Parti Warisan Sabah (WARISAN), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Presiden MIC, Tan Sri S A Vigneswaran dan Presiden Parti Bersatu Sabah, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili pula menghadap Seri Paduka pada Jumaat.

Sesi menghadap berakhir semalam membabitkan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg; Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS),

Majlis Raja-Raja Melayu terdiri daripada pemimpin yang bijak dan arif. Mereka tidak akan membuat keputusan sewenang-wenangnya



Jeniri Amir,
Felo Kanan
MPN

Tan Sri Dr James Jemut Masing; Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Datuk Seri Dr Sim Kui Hian dan Presiden Parti Demokratik Progresif (PDP), Datuk Seri Tiong King Sing.

Sesi membabitkan presiden empat parti komponen Gabungan Parti Sarawak (GPS) itu berlangsung secara maya.

Felo Kanan Majlis Profesor Negara (MPN), Dr Jeniri Amir, berkata perbincangan khas itu membuktikan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu amat proaktif dan prihatin terhadap apa yang melanda negara dan rakyat.

Tegas beliau, ia menterjemahkan keprihatinan dan empati baginda terhadap rakyat yang mahu melihat semua pihak berganding bahu untuk keluar daripada pandemik COVID-19.

Katanya, apa sahaja yang dirumuskan oleh Majlis Raja-Raja Melayu adalah berdasarkan input dan cadangan yang dikemukakan oleh ketua-ketua parti politik.

"Majlis Raja-Raja Melayu terdiri daripada pemimpin berpengalaman yang ada kebijaksanaan dan kearifan. Mereka tidak akan membuat keputusan sewenang-wenangnya.

"Keputusan yang dibuat akan meletakkan kepentingan rakyat dan negara mengatasi kepentingan politik, apatah lagi Seri Paduka sudah mendapat gambaran yang meluas dan mendalam.

"Baginda sudah bertemu dengan 15 ketua parti politik, berbelas jam diperuntukkan untuk ini. Komitmen dan kesabaran ini menunjukkan kepemimpinan baginda yang ada sentuhan rakyat," katanya kepada *BH*, semalam.

Ditanya jangkaan topik perbincangan khas itu, Jeniri berkata antara yang bakal disentuh pastinya mengenai strategi untuk keluar daripada ancaman COVID-19 dengan lebih pantas melalui program vaksinasi bagi mencapai imuniti kelompok.

"Saya juga fikir Majlis Raja-Raja Melayu turut membincangkan kesan pandemik terhadap ekonomi rakyat dan bagaimana untuk kerajaan dapat terus membantu mereka.

"Perbincangan juga tidak dapat mengelak daripada menyentuh soal darurat, sama ada dilanjutkan atau perlu ditamat-

Sudah tentu perbincangan esok mengambil kira suara pemimpin parti yang mewakili rakyat



Mohd Izani
Mohd Zain,
Profesor Madya
di Fakulti
Ekologi
Manusia, UPM

kan," katanya.

Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Izani Mohd Zain, menjangkakan perbincangan esok akan melihat kewajaran darurat sama ada ditamatkan atau diteruskan.

Katanya, impak darurat sangat besar kerana ia membabitkan amalan demokrasi di negara ini apabila sidang Parlimen ditangguh dan pilihan raya tidak boleh dilaksanakan.

"Sudah tentu perbincangan esok mengambil kira suara pemimpin parti yang mewakili rakyat," katanya.

Ditanya ada pandangan pembabitan istana menunjukkan kerajaan gagal menangani COVID-19, Mohd Izani berpendapat dalam situasi politik semasa di mana tidak ada parti yang mendominasi, Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu perlu bertindak mengikut Perlembagaan.

"Saya nampak mungkin kerajaan perlu dibantu dan dinasihati oleh Majlis Raja-Raja Melayu," katanya yang juga Felo Penyelidik Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya, Universiti Malaya (UMCEDEL).

Sementara itu, di Kuching, Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg mengemukakan tiga faktor penting dalam memerangi COVID-19 serta pemulihan ekonomi pasca pandemik itu kepada Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, kelmarin.

Tiga faktor penting yang dipersembahkan Abang Johari yang juga Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) ialah program vaksinasi COVID-19 di Sarawak akan dipercepatkan dan diselesaikan pada Ogos depan.

Abang Johari turut memaklumkan, faktor seterusnya adalah kerajaan yang kuat dan stabil untuk memastikan kelancaran pelaksanaan program memerangi COVID-19, diikuti pelaksanaan pelan ekonomi Sarawak pasca COVID-19.

Pimpinan PRS, SUPP dan PDP dalam kenyataan bersama selepas persidangan video itu, memaklumkan mereka menyokong sepenuhnya tiga faktor utama yang dipersembahkan Abang Johari kepada Yang di-Pertuan Agong.